

UTAMA



melakaharini.my | melakatv.com



Operasi pembenihan awan dipergiat di Melaka

"Kita akan lakukan sehingga keperluan air di Melaka akan dapat dipenuhi dan kita tahu bahawa bekalan yang sekarang daripada Sungai Gersik (Johor). Jadi, kita akan membantu Kerajaan Negeri dari segi bekalan itu biar datang dari Melaka sendiri"

Farah Suhaiddah Othman

DUYONG – Kerajaan akan terus mempergiatkan usaha pembenihan awan di Melaka bagi memastikan keperluan bekalan air negeri ini dapat dipenuhi susulan cuaca panas berterusan yang menyebabkan berlaku penyusutan paras air di empangan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, percubaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) itu telah dimulakan pada 9 April lalu dan beberapa lagi operasi akan dilaksanakan sehingga paras air di empangan dapat dipertingkatkan.

"Walaupun percubaan pertama kurang berhasil, namun kita akan terus melakukan percubaan seterusnya sehingga paras air yang berada di empangan itu dapat dipertingkatkan," katanya ketika ditemui pemberita

pada Rumah Terbuka Aidilfitri Melaka Sayang Rakyat (MeSRa) Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong, di Taman Bandaraya Bukit Serindit, 10 April lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Azhar Arshad; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin; Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri; ketua jabatan dan agensi serta lain-lain kenamaan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata OPA itu dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi

termasuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Beliau bagaimanapun optimis keadaan bekalan air khususnya di Melaka dijangka bertambah baik menjelang pertengahan Mei.

"Kita akan lakukan sehingga keperluan air di Melaka akan dapat dipenuhi dan kita tahu bahawa bekalan yang sekarang daripada Sungai Gersik (Johor). Jadi, kita akan membantu Kerajaan Negeri dari segi bekalan itu biar datang dari Melaka sendiri," katanya.

Jelas beliau, buat masa ini, OPA yang dilaksanakan di negeri-negeri utara seperti Perlis, Kedah dan Perak Utara menunjukkan hasil lebih positif apabila berlaku peningkatan paras air di empangan.



AHMAD Zahid ketika sidang media selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Melaka Sayang Rakyat DUN Duyong di Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka. Foto Muhammad Rasul Azli Samad